



---

## KENYATAAN MEDIA

### PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN BAHARU FELCRA BERHAD

*FELCRA Berhad mengumumkan pelantikan YBhg. Dato' Mat Roni Zakaria  
sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Baharu*

**Kuala Lumpur, 23 September 2021 – FELCRA Berhad (“FELCRA”)** hari ini mengumumkan pelantikan YBhg. Dato' Mat Roni bin Zakaria selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan baharu, berkuat kuasa 22 September 2021.

#### **Lembaga Pengarah FELCRA Berhad:**

*"FELCRA Berhad adalah salah satu entiti korporat Negara yang diberi tanggungjawab berganda, iaitu mendukung Mandat Sosial mensejahterakan masyarakat luar bandar melalui pembangunan projek terancang berasaskan agrikultur, dan mengusahakan Perniagaan Komersil demi kelestarian dan perkembangan Syarikat.*

*Pelantikan YBhg. Dato' Mat Roni bin Zakaria sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan membuktikan bahawa bakat dalaman FELCRA berupaya dan berjaya dibangunkan dan diperkasakan untuk menggalas cabaran sebagai Barisan Kepimpinan Korporat Tertinggi."*

YBhg. Dato' Mat Roni sebelum ini menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Infrastruktur Peserta & Projek Kerajaan bermula April 2021, salah satu portfolio terpenting dalam menjaga kesejahteraan Para Peserta dan memastikan Mandat Sosial sentiasa menjadi fokus utama FELCRA Berhad.

Berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Sains Malaysia, beliau memulakan karier bersama FELCRA Berhad pada tahun 1983 sebagai Pembantu Pengurus Ladang. Setelah menimba pengalaman meluas di lapangan perladangan, beliau seterusnya diberi peluang memperkembangkan pengetahuan dan kebolehan beliau sebagai Pegawai Tadbir FELCRA Berhad Negeri Perak pada tahun 1994, sebelum diberikan tanggungjawab sebagai Timbalan Pengarah FELCRA Berhad Negeri Pahang pada tahun 2002. Beliau kembali berkhidmat di Ibu Pejabat FELCRA Berhad sebagai Ketua Bahagian Pentadbiran antara tahun 2006 dan 2008, sebelum dilantik sebagai Timbalan Pengurus Besar Wilayah Timur merangkap Ketua Pentadbir FELCRA Kelantan antara tahun 2008 dan 2010.

Berdasarkan kebolehan dan pengalaman strategik beliau, YBhg. Dato Mat Roni seterusnya dipertanggungjawabkan sebagai Pengurus Besar Wilayah merangkap Pengarah FELCRA Berhad Wilayah Perak antara tahun 2010 sehingga ke 2016.

Bermula tahun 2016 sehingga 2018, beliau kembali ke Ibu Pejabat FELCRA Berhad sebagai Pengurus Besar Kumpulan Perladangan, mengawalselia lebih dari 1,000 Projek FELCRA di seluruh Negara.

Dengan pengalaman yang ditimba di lapangan, pelantikan beliau sebagai Pengarah Bahagian Tanaman Baru & Projek Khas bermula 2018 sehingga ke April 2021 dilihat sebagai satu langkah strategik dalam memastikan Tanaman Baru & Projek-Projek Khas dapat dijayakan sepenuhnya.

Bermula April 2021, beliau diberikan tanggungjawab sebagai Pengarah Infrastruktur Peserta & Projek Kerajaan, salah satu jawatan terpenting dalam memastikan Mandat Sosial dan Kesejahteraan Luar Bandar dapat berjalan seiring walaupun terduga dengan kekangan pandemik Covid-19. Usaha-usaha beliau sentiasa memberikan keutamaan agar infrastruktur dan kemudahan bagi 112,479 orang Peserta dan keluarga mereka di seluruh pelusuk Negara berada di tahap terbaik.

Sepanjang karier beliau, YBhg. Dato' Mat Roni juga telah dilantik menerajui beberapa entiti korporat sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Antara tahun 2016 dan 2018, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Ever Herald Sdn Bhd, FELCRA Agro Industry Sdn Bhd, dan FELCRA Jaya Samarahan Sdn Bhd.

Beliau juga telah dijemput menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia berdasarkan pengalaman meluas beliau antara tahun 2018 hingga 2019, di mana beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko UPM dan Ahli Lembaga Rayuan Tata tertib UPM, Jawatankuasa Pelaburan UPM dan Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Aset UPM.

Beliau dianugerahkan Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP) pada tahun 2013 atas jasanya dalam membangunkan projek FELCRA di negeri Perak, dan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) pada tahun 2014 atas jasanya kepada kemajuan FELCRA Berhad khususnya buat negeri Pahang.

YBhg. Dato' Mat Roni bin Zakaria membawa jiwa FELCRA dalam merealisasikan visi dan misi FELCRA Berhad, seiring dengan aspirasi serta matlamat membangunkan sosioekonomi Peserta ke tahap yang lebih tinggi.

Seluruh barisan Pengurusan Tertinggi, Warga Kerja, Pesara dan Peserta FELCRA Berhad mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini dan FELCRA Berhad amat optimis YBhg. Dato' Mat Roni bin Zakaria dapat memacu syarikat ke arah kecemerlangan selaras dengan Pelan Transformasi dan Halatuju Strategik FELCRA Berhad yang diluluskan Majlis Jemaah Menteri Malaysia baru-baru ini pada bulan Ogos 2021.

Matlamat utama FELCRA Berhad sentiasa dan terus berpaksikan kesejahteraan Warga Peserta sebagai tanggungjawab Mandat Sosial, dan perkembangan Usaha Komersil dalam melestarikan Syarikat.

*-Tamat -*

---

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Brand dan Komunikasi  
FELCRA Berhad  
PER: **En. Aditya Adri Saleh Ab Rahim**  
Pengurus Besar Brand dan Komunikasi  
[adit@felcra.com.my](mailto:adit@felcra.com.my)  
+6013 – 666 6667

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
PER: **Pn. Norainis Mohd Noor**  
Ketua Komunikasi Korporat  
[norainis@rurallink.gov.my](mailto:norainis@rurallink.gov.my)  
+603 8891 5944

---

## **Mengenai FELCRA Berhad**

**FELCRA Berhad** merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

FELCRA asalnya telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai badan berkanun, dan dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA). FELCRA dipertanggungjawab untuk memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan.

Pada tahun 1997, FELCRA telah dikorporatkan dan bertukar status daripada badan berkanun kepada sebuah entiti Syarikat Korporat milik penuh Kerajaan.

Kini, FELCRA Berhad menelusuri beberapa bidang perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, hartanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan termasuk ternakan tenusu.

Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (social enterprise powerhouse) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial Para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara.

Terkini, FELCRA Berhad telah memajukan seluas 220,086 hektar ladang bagi pihak 112,479 orang Peserta merangkumi 1,420 Projek Penyatuan dan Pemulihan, serta 33,145 hektar estet milik syarikat FELCRA Berhad.